

<b>Headline</b>	Forestra bukti kejayaan		
<b>MediaTitle</b>	Utusan Malaysia		
<b>Date</b>	05 Aug 2013	<b>Color</b>	Full Color
<b>Section</b>	Supplement	<b>Circulation</b>	197,952
<b>Page No</b>	5,6	<b>Readership</b>	833,287
<b>Language</b>	Malay	<b>ArticleSize</b>	1869 cm <sup>2</sup>
<b>Journalist</b>	N/A	<b>AdValue</b>	RM 37,278
<b>Frequency</b>	Daily	<b>PR Value</b>	RM 111,834



SAINS • TEKNOLOGI • INOVASI

# S & T

■ ISSN 05.08.13  
 ■ UTUSAN MALAYSIA

## Forestra

# bukti kejayaan

FMBiosis terjemah konsep perkongsian pintar FRIM - MTDC bagi melahirkan graduan sebagai usahawan

**P**ENGALAMAN memberi keyakinan kepada anak jadi Ipoh Perak ini untuk berkecimpung dalam bidang perniagaan kerana beliau pernah berjinak jinak dalam bidang tersebut sebelum ini. Sementalah usaha menghargai tradisi penjagaan diri menggunakan ramuan asli perlu dipromosikan, Jurina Anwar, 33, menjadikan minat dalam bisnes spa sebagai pendorong untuk memajukan syarikat.

>> Bersambung di muka 6 & 7

<b>Headline</b>	<b>Forestra bukti kejayaan</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Malaysia</b>		
<b>Date</b>	<b>05 Aug 2013</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Supplement</b>	<b>Circulation</b>	<b>197,952</b>
<b>Page No</b>	<b>5,6</b>	<b>Readership</b>	<b>833,287</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>1869 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 37,278</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 111,834</b>

KATA kuncinya ialah khasiat tumbuhan semulajadi khususnya herba sebenarnya satu modal perniagaan yang mampu menjana keuntungan.

Sebab itu, selepas mendapat maklumat menerusi iklan di media tempatan mengenai tawaran Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi membangunkan usahawan tempatan menerusi konsep perkongsian menggunakan kemudahan dan kepakaran agensi tersebut, Jurina tidak menunggu lama.

Beliau menyambar peluang tersebut dengan keazaman bahawa inilah masanya untuk melunaskan impian, manakala peluang hanya datang sekali dan perlu dimanfaatkan.

"Ketika itu tahun 2008. Saya baca iklan tersebut dan menyahut tawaran yang saya anggap satu peluang dan cabaran.

"Saya membuat kertas kerja mengenai tawaran dan membuat kertas cadangan kepada FRIM," ujarnya yang juga pemegang Ijazah Sarjana Muda Teknologi Sains BioKesihatan di Institut Sains Biologi, Universiti Malaya.

Selepas dipanggil untuk ditemuduga dan cadangannya dipersetujui, Jurina mengikuti kursus anjuran FRIM berkaitan herba. Tetapi pengalamannya dalam kerja-kerja makmal sebenarnya satu kelebihan.

Selepas itu, Jurina tidak menoleh ke belakang apabila menubuahkan Bio

Nature Formula Sdn. Bhd. (BNF) yang didaftarkan pada 26 Disember 2008 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM 1,169,000 daripada Malaysia Technology Development Corporation (MTDC).

"Syarikat kami ditubuhkan untuk menjadi pengeluar produk kecantikan dan kesihatan yang berdasarkan tumbuhan tempatan yang berdasarkan penyelidikan dan pembangunan (R&D)

"Syarikat kami ditubuhkan melalui program FRIM-MTDC Biousahawan Siswazah (FMBiosis).

"Program ini antara yang pertama yang dibuat untuk

mengkomersialkan teknologi daripada institut penyelidikan dan telah dikembangkan ke beberapa universiti.

"Universiti tersebut ialah Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti

Kebangsaan Malaysia (UKM) sekarang ini dengan nama Symbiosis," ujarnya ketika ditemui di pejabatnya di FRIM Kepong baru-baru ini.

Berkongsi cerita lebih lanjut Jurina yang juga pengurus syarikat berkata, beliau sebenarnya menggunakan konsep mandi bunga yang menggunakan bahan asas minyak pati buah limau purut dan sirih.

Terdapat juga herba-herba lain seperti lengkuas, kayu manis, pokok kapal terbang, bunga raya, manjakani, pinang, delima dan banyak lagi.

Atas sebab itu, beliau menggunakan jenama *Forestra* bagi menghargai nilai tumbuhan herba dan mengabadikan sumbangan FRIM yang mana teras penyelidikannya adalah bahan asas hutan dan juga selaku pembekal teknologi.

Menurutnya, syarikat terbabit diterajui oleh tiga individu iaitu beliau dan Dayang Filidia Abang Ahmad Bolhassan serta seorang penyelidik FRIM yang pakar berkaitan teknologi minyak pati dan formulasi iaitu Dr. Nor Azah Mohamad Ali yang juga pengurus teknologi untuk syarikat terbabit.

Ketika ini, semua penyelidikan yang diterajui oleh Dr. Nor Azah dijalankan di makmal FRIM di Kepong.

"Bagi kami, FRIM banyak mengkaji dan membangunkan produk semula jadi yang kebanyakannya berdasarkan tumbuhan tempatan.

"Ini dapat membuktikan khazanah hutan kita begitu berharga dalam banyak industri seperti perkayuan, kecantikan, kesihatan, bioteknologi, perladangan dan sebagainya. FRIM dapat memartabatkan industri herba dan hutan tempatan di mata dunia," ujarnya.

Dalam usaha tersebut, syarikatnya juga bekerjasama dengan syarikat -syarikat swasta termasuk Nutraherbs Sdn. Bhd., dan badan -badan kerajaan yang lain.

Mengenai kapasiti pengeluaran syarikat, Jurina memberitahu, BNF setakat ini mampu mengeluarkan sebanyak 10,000 unit setiap bulan untuk setiap produk.

"Kami mementingkan kualiti dengan membuat kajian secara terperinci mengenai isi kandungan produk syarikat supaya selamat berkesan dan halal.

"Selain itu kami mengengahkan konsep tradisional dalam bentuk yang lebih moden dan mudah digunakan," ujarnya.

Pada masa sama, BNF juga menerapkan elemen warna dan bentuk semulajadi dan sesuai untuk pasaran luar negara.

Mengenai sambutan pelanggan beliau berkata, pengguna semakin mempercayai *Forestra* atas kualiti dan keberkesaan yang ditawarkan dalam setiap produk dengan harga yang sangat berpatutan.

Dalam pada itu, syarikat BNF mendapat kerjasama daripada penduduk kampung sebagai pembekal bahan mentah menerusi pendekatan kontrak perladangan terutama bagi limau purut dan lengkuas.

Kata Jurina, kira-kira 500 kilogram (kg) bahan mentah diperlukan untuk sekali pengeluaran. Kutipan bahan mentah dibuat sekiranya pihaknya bersedia untuk membuat pemprosesan menghasilkan produk akhir.

"Kami tidak boleh menyimpan lama kerana minyak pati tidak tahan lama," ujarnya sambil memberitahu bahawa secara kasarnya kira-kira 20 kg bahan mentah diperlukan untuk menghasilkan 20 mililiter (ml) minyak pati.

Jurina berkata, produk keluaran BNF sepatutnya dijual pada harga yang lebih tinggi meramandang kualiti minyak pati yang dihasilkan adalah tulen dan semula jadi. - **LAUPA JUNUS**

**Ini dapat membuktikan khazanah hutan kita begitu berharga dalam banyak industri seperti perkayuan, kecantikan, kesihatan, bioteknologi, perladangan dan sebagainya. FRIM dapat memartabatkan industri herba dan hutan negara di mata dunia**

## Info

Produk BNF dibawah jenama *Forestra* ialah set penjagaan badan sebagai 'anak pertama syarikat iaitu:

i. Mandian badan

ii. Body scrub

iii. Losyen tangan dan badan

iv. Cucian wanita

Produk *Forestra* boleh didapati melalui online (Website:

[www.forestra.com.my](http://www.forestra.com.my) & Facebook: *Forestra*)

dan stokis/pengedar kami seperti yang tertera dalam laman web.

<b>Headline</b>	<b>Forestra bukti kejayaan</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Malaysia</b>		
<b>Date</b>	<b>05 Aug 2013</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Supplement</b>	<b>Circulation</b>	<b>197,952</b>
<b>Page No</b>	<b>5,6</b>	<b>Readership</b>	<b>833,287</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>1869 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 37,278</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 111,834</b>



**JURINA Anwar (kiri) berbincang mengenai penyelidikan minyak pati dengan Dr. Nor Azah Mohamad Ali (tengah) serta seorang petugas di FRIM. Kepong baru-baru ini.**



**TERAJU utama BNF (dari kiri ) Jurina Anwar Dr. Norazah Mohamad Ali dan Dayang Filidia Abang Ahmad Bolhassan.**

<b>Headline</b>	<b>Forestra bukti kejayaan</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Malaysia</b>		
<b>Date</b>	<b>05 Aug 2013</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Supplement</b>	<b>Circulation</b>	<b>197,952</b>
<b>Page No</b>	<b>5,6</b>	<b>Readership</b>	<b>833,287</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>1869 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 37,278</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 111,834</b>

➤MegaSains



KOMPLEKS FRIM-MTDC yang menjadi tulang belakang program FMBios bagi melahirkan usahawan bioteknologi.



JURINA Anwar boleh berbangga dengan kejayaan Forestra.